



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**THE EFFECTIVENESS OF STORYTELLING TECHNIQUE IN TEACHING
AND LEARNING NARRATIVE WRITING IN THE MALAY LANGUAGE**

ZURAINI BINTI JUSOH

FPP 2009 2



**KEBERKESANAN TEKNIK BER CERITA DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KARANGAN NARATIF BAHASA MELAYU**

ZURAINI BINTI JUSOH

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2009



**KEBERKESANAN TEKNIK BERCERITA DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN KARANGAN NARATIF BAHASA MELAYU**

Oleh

ZURAINI BINTI JUSOH

**Tesis Yang Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Master Sains**

Mei 2009



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan ijazah Sarjana Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama.

KEBERKESANAN TEKNIK BERCERITA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KARANGAN NARATIF BAHASA MELAYU

Oleh

ZURAINI BINTI JUSOH

Mei 2009

Pengerusi: Profesor Madya Dr. Abdul Rasid Bin Jamian

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Kajian keberkesanan teknik bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran karangan naratif bahasa Melayu ini telah dijalankan secara kuantitatif, menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen kumpulan kawalan tidak serupa di sebuah sekolah menengah di daerah Pelabuhan Klang, Selangor. Seramai 66 orang murid daripada dua buah kelas tingkatan satu telah dipilih sebagai sampel kajian iaitu, 32 orang murid kumpulan kawalan dan 34 orang murid kumpulan eksperimen. Murid-murid daripada kedua-dua kumpulan diberikan pra ujian dan pasca ujian berupa karangan naratif yang berakhir dengan rangkaian kata-kata “ ... saya pasti akan berubah”. Markah yang diperolehi dalam pra ujian dan pasca ujian dibandingkan bagi menentukan keberkesanan teknik bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran karangan naratif bahasa Melayu bagi murid-murid tingkatan satu.



Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pra ujian dan pasca ujian kumpulan eksperimen yang membuktikan keberkesanan teknik bercerita iaitu, $t(33) = 5.36$, $p = 0.0001$, $d = 0.92$. Dapatan kajian juga mendapati kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan mengalami peningkatan prestasi penulisan karangan naratif apabila ujian- t juga menunjukkan berlaku peningkatan prestasi penulisan karangan naratif murid kumpulan kawalan iaitu, $t(31) = 2.64$, $p = 0.013$, $d = 0.47$. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan peningkatan prestasi bagi kumpulan eksperimen lebih besar berbanding peningkatan prestasi bagi kumpulan kawalan yang ditunjukkan pada nilai d ujian- t yang dijalankan. Rumusannya, hasil kajian ini didapati sesuai untuk meningkatkan prestasi sederhana dalam kalangan murid-murid tingkatan satu. Ini dibuktikan apabila berlaku peningkatan sebanyak dua kali ganda iaitu daripada 41.2 peratus dalam pra ujian kepada 85.3 peratus dalam pasca ujian karangan naratif murid-murid tingkatan satu kumpulan eksperimen. Walaupun teknik bercerita dalam kajian ini tidak dapat meningkatkan prestasi karangan naratif murid-murid tingkatan satu kepada cemerlang namun, kepentingan teknik bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu tidak dinafikan. Oleh itu, kajian-kajian berterusan perlu dilakukan dengan kawalan yang lebih ketat untuk mengatasi kelemahan-kelemahan kajian sedia ada, agar keberkesanan teknik bercerita dapat dikenal pasti.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science Teaching of Malaysia as a First Language.

THE EFFECTIVENESS OF STORYTELLING TECHNIQUE IN TEACHING AND LEARNING NARRATIVE WRITING IN THE MALAY LANGUAGE

By

ZURAINI BINTI JUSOH

May 2009

Chair: Associate Professor Dr. Abdul Rasid Bin Jamian

Faculty: Educational Studies

Research on the effectiveness of storytelling technique in teaching and learning narrative writing in Malay language has been done qualitatively, by using the quasi experiment nonequivalent control group design at a secondary school in Pelabuhan Klang, Selangor. As many as 66 students from Form One were chosen as the research sample, that is 32 students in the control group and 34 students in the experimental group. Both groups were given pre-test and post-test narrative writing ending with the note, “ I certainly will change”. The pre-test and post-test scores were compared to determine the effectiveness of storytelling technique in teaching and learning narrative writing in the Malay language for Form One students.

From this study the result showed that, there is a significant difference between pre-test and post-test in the experimental group. This proved the effectiveness of storytelling



technique in narrative writing, $t(33) = 5.36$, $p = 0.0001$, $d = 0.92$. The result also showed that both groups improved in narrative writing performance when t -test showed there was an increase in the control group, $t(31) = 2.64$, $p = 0.013$, $d = 0.47$. Even though there was an increase in scores for both groups, however there was a greater increase in the result of the experimental group (t -test d value, $d = 0.92$ as compared to the control group ($d = 0.47$). In conclusion, even though there was an increase in scores in the experimental group, but the increase was average performance only (the increase was 41.2 percent to 85.3 percent in the post-test). Even though the storytelling technique in this research did not improve narrative writing to an excellent level, but the effectiveness of the storytelling technique in teaching and learning cannot be denied. So, for further research it is recommended that stringent actions should be taken to overcome the weaknesses in this research, so that the effectiveness of the storytelling technique can be taken as an effective technique in teaching and learning.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa **Peperiksaan Tesis** telah berjumpa pada 28 Mei 2009 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Zuraini Binti Jusoh** bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Keberkesanan Teknik Bercerita Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Naratif Bahasa Melayu” mengikut **Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998**. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah **Sarjana Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Asmawati Binti Suhid, PhD

Pensyarah Kanan / Ketua Jabatan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Roselan Bin Baki, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Fadzilah Binti Abd Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rohizani Binti Yaakub

Profesor Madya Doktor
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 Ogos 2009



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Abdul Rasid Bin Jamian

Profesor Madya Doktor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Yahya Bin Othman, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Abdullah Bin Mat Rashid @ Mat Idris, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 September 2009



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

ZURAINI BINTI JUSOH

Tarikh: 12 Ogos 2009



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Kumpulan Kawalan tidak Serupa Pra Ujian dan Pasca Ujian	41
2	Pecahan Sampel Kajian Rintis Mengikut Jantina	60
3	Pecahan Sampel Kajian Rintis Mengikut Bangsa	60
4	Markah Minimum dan Maksimum Kajian Rintis	61
5	Taburan Markah Kajian Rintis	62
6	Peringkat Prestasi Kajian Rintis	63
7	Pecahan Sampel Kajian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	66
8	Pecahan Sampel Kajian Mengikut Jantina	66
9	Pecahan Sampel Kajian Mengikut Bangsa	66
10	Pecahan Sampel Kajian Mengikut Jantina dan Bangsa	67
11	Pecahan Skor dan Peringkat Prestasi	69
12	Peringkat Prestasi Murid Pra Ujian Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	70
13	Peringkat Prestasi Murid Pasca Ujian Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	71
14	Peringkat Pencapaian Murid Pra Ujian Kumpulan Kawalan	71
15	Peringkat Pencapaian Murid Pra Ujian Kumpulan Eksperimen	74
16	Peringkat Pencapaian Murid Pasca Ujian Kumpulan Kawalan	77
17	Peringkat Pencapaian Murid Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen	78



Jadual		Muka Surat
18	Taburan Markah Pra Ujian Kumpulan Kawalan	86
19	Taburan Markah Pra Ujian Kumpulan Eksperimen	86
20	Taburan Markah Pasca Ujian Kumpulan Kawalan	89
21	Taburan Markah Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen	90
22	Markah Minimum dan Maksimum Ujian	91
23	Ujian- <i>t</i> Berpasangan Menunjukkan Perbandingan Prestasi Pencapaian Murid Dalam Pra Ujian dan Pasca Ujian	92
24	Ujian- <i>t</i> Bagi Sampel Berasingan Pra Ujian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	93
25	Ujian- <i>t</i> Bagi Sampel Berasingan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	94
26	Ujian- <i>t</i> Bagi Sampel Berasingan Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen	96
27	Ujian- <i>t</i> Bagi Sampel Berasingan Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan	97

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Penghasilan sebuah tulisan	7
2	Model Flower dan Hayes (1980)	32
3	Kuadran Dimensi Gaya Pembelajaran	35
4	Kerangka Konseptual Kajian	40
5	Ringkasan Proses Kajian	54
6	Perbandingan Peringkat Prestasi Murid Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	72
7	Perbandingan Peringkat Pencapaian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen Pra Ujian	76
8	Perbandingan Peringkat Pencapaian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen Pasca Ujian	79
9	Peringkat Pencapaian Murid Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan	80
10	Peringkat Pencapaian Murid Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen	81
11	Perbandingan Taburan Markah Pra Ujian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	88
12	Perbandingan Taburan Markah Pasca Ujian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	90

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia
t	Nilai yang diperoleh dari pembahagian jadual dua pemboleh ubah
p	Nilai Signifikan
df	Darjah kebebasan
d	Kesan indeks saiz perbezaan dua pemboleh ubah
N	Saiz sampel

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	ix

BAB

1	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Kajian	2
	Pernyataan Masalah	9
	Objektif Kajian	12
	Hipotesis Kajian	13
	Signifikan Kajian	14
	Batasan Kajian	15
	Definisi Operasional	16
	Teknik Bercerita Dalam Penulisan Karangan	16
	Prestasi Penulisan Karangan	17
	Karangan Berbentuk Naratif	18
	Teknik Pengajaran Konvensional	18
	Kumpulan Eksperimen	19
	Kumpulan Kawalan	19
2	SOROTAN LITERATUR	
	Pengenalan	19
	Kajian Teknik Bercerita	19
	Kepentingan Bercerita	23
	Penulisan Naratif dalam Kalangan Murid	26
	Kajian Berkaitan Penulisan Karangan	28
	Model Penulisan Karangan	29
	Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Karangan	32
	Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (1984)	32
	Kerangka Konseptual Kajian	38
3	METODOLOGI KAJIAN	
	Pengenalan	40
	Reka Bentuk Kajian	40
	Pemboleh Ubah Kajian	41
	Pemboleh Ubah Bebas	
	Pemboleh Ubah Bersandar	



	Kesahan Kajian Eksperimen	46
	Kesahan Luaran	
	Kesahan Dalaman	
	Kebolehpercayaan Kajian Eksperimen	51
	Tatacara Kajian	52
	Tempat Kajian	54
	Populasi dan Sampel Kajian	55
	Alat Kajian	55
	Alat Ukur Kajian	57
	Analisis Data	58
	Kajian Rintis	59
	Dapatan Kajian Rintis Berdasarkan Skema Pemarkahan	
	Karangan Bahagian C	
4	DAPATAN KAJIAN	
	Pengenalan	61
	Latar Belakang Sampel Kajian	62
	Skema Pemarkahan Penulisan Karangan Bahagian C	65
	Peringkat-peringkat Pencapaian Murid Kumpulan	
	Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	
	Peringkat Pencapaian Murid Pra Ujian Kumpulan	
	Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	
	Peringkat Pencapaian Murid Pasca Ujian Kumpulan	
	Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	
	Peringkat Pencapaian Murid Kumpulan Kawalan dan	
	Kumpulan Eksperimen Pra Ujian dan Pasca Ujian	
	Analisis Dapatan Kajian Mengikut Bentuk Penulisan	
	Karangan Naratif	
	Pengenalan Karangan Naratif Pra Ujian Kumpulan	
	Eksperimen	
	Pengenalan Karangan Naratif Pasca Ujian Kumpulan	
	Eksperimen	
	Permasalahan Karangan Naratif Pra Ujian Kumpulan	
	Eksperimen	
	Permasalahan Karangan Naratif Pasca Ujian	
	Kumpulan Eksperimen	
	Kemuncak Karangan Naratif Pra Ujian Kumpulan	
	Eksperimen	
	Kemuncak Karangan Naratif Pasca Ujian Kumpulan	
	Eksperimen	
	Penyelesaian Karangan Naratif Pra Ujian Kumpulan	
	Eksperimen	
	Penyelesaian Karangan Naratif Pasca Ujian	
	Kumpulan Eksperimen	
	Taburan Markah Pra Ujian Kumpulan Kawalan dan	82
	Kumpulan Eksperimen	
	Taburan Markah Pasca Ujian Kumpulan Kawalan dan	85

	Kumpulan Eksperimen	
	Taburan Markah Minimum dan Maksimum	88
	Analisis Data Mengikut Hipotesis Kaji an	89
	Hipotesis 1 (Ho1)	
	Hipotesis 2 (Ho2)	
	Hipotesis 3 (Ho3)	
	Hipotesis 4 (Ho4)	
	Hipotesis 5 (Ho5)	
	Rumusan Dapatan Kajian	95
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN	
	Pengenalan	96
	Perbincangan Kajian Mengikut Hipotesis	96
	Hipotesis 1 (Ho1)	
	Hipotesis 2 (Ho2)	
	Hipotesis 3 (Ho3)	
	Hipotesis 4 (Ho4)	
	Hipotesis 5 (Ho5)	
	Perbincangan Keberkesanan Teknik Bercerita	100
	Rumusan Kajian	103
	Cadangan Kajian	104

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

BIODATA PELAJAR

SENARAI PENULISAN/PENERBITAN



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bercerita dikenal pasti sebagai suatu cara yang paling berkesan untuk menyampaikan idea dan boleh mengakibatkan perubahan dalam pembelajaran mengikut Forester, 1999; McDrury dan Alterio, 2002 (dalam Peel dan Shottland, 2004). Bercerita bukan merupakan satu penemuan baru dalam dunia pendidikan, dan keberkesanannya dalam menghasilkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak dinafikan (Choo, 2003). Kepentingan penceritaan dalam pendidikan disokong oleh Lang, 2003 (dalam Wilkinson, 2006) yang berpendapat bahan naratif ketinggalan zaman ini perlu dibawa kembali ke dalam sistem pendidikan, bukan sahaja untuk mata pelajaran bahasa dan sastera malah untuk mata pelajaran lain juga (Herman, 2007). Malah penelitian yang dibuat dalam perjumpaan *American Educational Research Association* (AERA) menunjukkan naratif sentiasa wujud dalam sistem serta kajian pendidikan, dan bercerita paling berkesan untuk pembelajaran bahasa (Johnson, 2005).

Pelbagai kajian yang telah dijalankan juga membuktikan keberkesanan bercerita dalam bidang pendidikan. Antara kajian teknik bercerita yang telah dijalankan ialah oleh Abdullah Hassan (2004), Choo (2003) dan, Rosei Sheerin Mahpor (2005). Melalui kajian-kajian ini, bercerita dikatakan salah satu kaedah yang sesuai untuk mengajarkan nilai, dapat meningkatkan pembelajaran dalam kalangan guru lepasan ijazah serta membantu murid lemah meningkatkan kemahiran menulis mereka. Selain itu, minat mengkaji kepentingan bercerita juga dapat dikesan dalam kalangan pengkaji luar negara

antaranya oleh Sanchez et.al (2006), Kyratzis (2005), Peel dan Shortland (2004) dan sebagainya.

Penulisan karangan merupakan alat untuk berfikir (Gammill, 2006) dan berkembang daripada bahasa pertuturan menjadi rantaian maklumat yang sarat dengan idea dan pengalaman (Vanderburg, 2006). Himpunan idea yang membentuk sesebuah kesatuan karangan diambil daripada pengalaman yang berlaku di persekitaran murid dan juga kesan daripada komunikasi yang wujud dengan guru sewaktu di dalam bilik darjah (Myhill dan Locke, 2007).

Oleh itu, sebagai seni pembelajaran bahasa yang paling tua (Dedi Firmansyah, 2007), bercerita boleh menjadi suatu teknik yang berkesan untuk meningkatkan prestasi penulisan karangan murid. Selain itu, bercerita sentiasa menjadi bahagian yang penting dalam suatu budaya manusia dan melalui cerita, budaya sesuatu masyarakat dapat difahami (Hawkey, 2007). Bercerita juga menjadi media penyampaian maklumat dan sumber pendidikan tidak formal anak-anak (Henny Johari, 2006). Oleh itu, maklumat daripada cerita penting untuk membantu murid menghasilkan sebuah karangan naratif. Malah, maklumat ini boleh dibangunkan bersama pengetahuan sedia ada murid.

Bercerita yang sudah sebatu dengan dunia masyarakat tidak harus dilupakan. Dalam konteks dunia pendidikan masa kini, teknik bercerita masih sesuai digunakan. Memang tidak dinafikan penemuan teknik terkini membantu menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang efektif, namun bercerita masih sesuai digunakan pada bila-bila masa sahaja. Aktiviti pendidikan boleh dilaksanakan di dalam bilik darjah mahupun di luar



bilik darjah. Malah bercerita mampu dilaksanakan dengan atau tanpa bahan bantu mengajar. Teknik ini juga menjimatkan masa dan membolehkan penglibatan aktif murid semasa atau selepas sesi bercerita. Bercerita melibatkan kreativiti guru menggunakan cerita sebagai media menyampaikan isi pengajaran kepada murid.

Manakala dengan pertumbuhan dan perkembangan media elektronik dalam komunikasi massa, karangan bukan semakin ketinggalan tetapi semakin maju. Oleh itu, pengkajian dan amali menulis atau mengarang tetap menjadi sebahagian penting dalam kurikulum sekolah serta menjadi bahagian utama dalam pendidikan dan pengajaran Bahasa Melayu (Sulaiman Masri et.al, 2006).

Kerja karang-mengarang agak kompleks dan merupakan kerja profesional (Awang Sariyan, 2004). Hal ini kerana, karangan sebagai media perantara yang mengandungi maklumat-maklumat, sebagai bahan interaksi sosial serta alat komunikasi (Ruddell, 2001). Sebagai media perantara yang sarat dengan maklumat, menulis bukan sahaja menjadi satu cara untuk menerangkan pengetahuan sedia ada seseorang tetapi juga sebagai alat untuk mengetahui sejauh mana pengetahuan yang diketahui oleh seseorang itu. Sifat karangan sebagai satu binaan atau bentuk dapat dikesan melalui penjelasan dan pengucapan yang jelas serta terang. Karangan sebagai alat sosial dan komunikasi pula dapat dijelaskan dengan sifat karangan itu sendiri yang dipengaruhi oleh interaksi sosial dalam kalangan pemikir dan penulis itu sendiri. Biasanya sewaktu menulis, penulis terlebih dahulu telah menetapkan sasaran khalayak pembacanya iaitu di peringkat sekolah sasaran pembaca ialah guru mata pelajaran Bahasa Melayu itu sendiri serta rakan-rakan sekelas. Sering kali juga, karangan dihasilkan dengan tujuan untuk

berkongsi maklumat dengan harapan mendapat reaksi serta maklum balas daripada khalayak sasaran.

Latar Belakang Kajian

Karangan merupakan aspek yang diberikan perhatian dalam kurikulum. Kepentingan penulisan karangan tergambar dalam kurikulum Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran tersendiri (Roselan Baki, 2003). Misalnya, di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Bahasa Melayu dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pemahaman dan bahagian penulisan. Di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) pula Kertas 2 dibahagikan kepada empat bahagian.

Bahagian A dibahagikan kepada dua iaitu bahagian ringkasan yang menawarkan 20 markah dan bahagian pemahaman berdasarkan petikan ringkas yang menawarkan 10 markah. Bahagian B, iaitu karangan berdasarkan bahan rangsangan menawarkan 20 markah. Bahagian C, iaitu karangan respons terbuka yang mengandungi lima perkara dan murid perlu menjawab satu soalan sahaja. Bahagian ini menawarkan 40 markah daripada markah keseluruhan. Bahagian D melibatkan soalan kemahiran sastera (Komsas), khususnya genre novel yang menawarkan 10 markah. Begitu juga dengan format pentaksiran baharu mulai tahun 2005 ini masih mengekalkan dua kertas secara berasingan (Samat Buang, 2006) dan ini membuktikan kepentingan aspek penulisan karangan dalam kurikulum pendidikan negara ini.

Kecekapan mengarang dapat menentukan keputusan peperiksaan kertas Bahasa Melayu (Ahmad Khair Mohd. Nor, 2005). Hal ini dibuktikan dengan pembahagian markah



format pentaksiran baharu 2005 yang memperuntukkan keseluruhan 100 markah untuk Kertas 2 berbanding hanya 40 markah yang diperuntukkan untuk Kertas 1. Namun, untuk tujuan kajian ini pengkaji memilih Bahagian C yang menyumbang markah tertinggi (Suppiah Nachiappan, 2006; Alias Ismail, 2006) sebagai fokus kajian. Murid-murid seharusnya memberi lebih perhatian kepada bahagian ini untuk memperoleh skor yang baik dalam peperiksaan. Malah kemahiran mengarang penting sebagai alat pernyataan perasaan serta pengetahuan yang tidak terbatas dalam masyarakat moden (Hawthorne, 2007) masa kini.

Kemahiran mengarang adalah kemahiran tertinggi dalam tatatingkat kemahiran bahasa dan paling sinonim dengan mata pelajaran Bahasa Melayu (Nawi Ismail, 2002). Begitu juga dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu tahun 2000 yang mengkehendaki murid dapat menulis pelbagai jenis karangan (Marohaini Yusoff, 2004). Mengarang juga penting untuk mengukuhkan penguasaan pola bahasa (Abdul Shukor Shaari, 2001).

Secara umum tahap pencapaian murid masih tidak memuaskan (Zulkifley Hamid, 2005). Abd. Aziz Abd. Talib (2000) menyatakan Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia melaporkan kelemahan murid dalam karangan biasanya tertumpu kepada masalah kelemahan isi, kelemahan teknik mengarang, dan kelemahan bahasa. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid memang menghadapi masalah untuk menghasilkan sebuah karangan yang utuh. Murid-murid didapati menyatakan isi yang sama atau hampir sama berulang-ulang, dan bahagian pendahuluan yang meleret-leret (Nawi Ismail, 2006). Walau bagaimanapun, masalah ini boleh dikatakan masalah global apabila *National Assessment of Educational Progress* pada tahun 2002 menyatakan




bahawa 72 peratus murid tahun 4, 68 peratus murid tahun 8 dan 77 peratus murid tahun 12 berada di peringkat pencapaian rendah dalam kemahiran menulis karangan (*National Center of Educators Statistic*, 2003 dalam McMaster dan Espin, 2007).

Mengarang juga dikatakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai (Nik Safiah Karim, 2004; Abdul Shukor Shaari, 2001) berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain dan banyak orang tidak mahir menulis (Ahmad Khair Mohd. Nor, 2005). Hal ini kerana mengarang atau menulis adalah aktiviti kognitif yang dilakukan oleh orang yang berilmu (Ismail Ahmad, 2004). Yahya Othman (2005) dan Ahmad Khair Mohd. Nor (2005), menambah bahawa penguasaan kemahiran menulis tidak hanya bergantung kepada bakat semata-mata tetapi dipengaruhi juga oleh pengajaran kemahiran menulis yang bersistem dan berkesan. Menurut Siti Zaleha M. Hashim (2005), semasa menulis murid-murid mengalami dua proses, iaitu proses dalaman dan proses luaran. Proses dalaman meliputi tahap-tahap dalam otak, antaranya persediaan, pengeraman (pemendapan), dan verifikasi. Proses luaran pula melibatkan proses mengeluarkan bahan daripada fakulti otak antaranya persediaan, pemilihan bahan, perangkaan, penulisan, dan penyemakan.

Menurut Suppiah Nachiappan (2006), penghasilan sesebuah karangan memerlukan pengarangnya menyampaikan idea secara jelas, tepat, dan berkesan. Untuk menghasilkan sebuah karangan yang utuh, isi karangan perlu tepat, jelas dan asli. Proses menulis karangan melibatkan aktiviti pemikiran, iaitu pemikiran sebelum menulis karangan, proses pemikiran semasa menulis karangan, dan proses pemikiran yang dialami selepas karangan dihasilkan. Tambah Suppiah Nachiappan (2006) lagi, sewaktu



proses menulis juga, pengarang perlu jelas mengenai khalayak atau kepada siapa karangan tersebut dihasilkan. Tujuan karangan dihasilkan, pemilihan kata, dan penyusunan perenggan, tajuk, dan kesatuan ayat juga antara komponen penting sesebuah karangan. Pemilihan kata perlu disesuaikan dengan tujuan karangan sama ada untuk tujuan perbahasan, memujuk, memberi pendapat, atau untuk bercerita. Perkembangan isi dan huraian juga dibuat dalam bentuk perenggan yang mencirikan kesatuan sesebuah karangan. Begitu juga dengan komponen tatabahasa dan sintaksis. Kesalahan penggunaan tatabahasa dan sintaksis akan mengurangkan markah karangan murid. Proses penghasilan sebuah tulisan dapat dijelaskan berdasarkan model proses menulis oleh Raimes (dalam Abdul Shukor Shaari, 2001) seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1. Penghasilan sebuah tulisan
(Sumber: Abdul Shukor Shaari, 2001)